



TIMBALAN Ketua Pengarah (Pemasaran) Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Datuk Amirrudin Abu menandatangani pelancaran Pameran Pelancongan Domestik Malaysia 2010.

## 25,000 dijangka kunjungi pameran pelancongan

**K**UALA LUMPUR: Pameran Pelancongan Domestik Malaysia 2010 (MDTF'10) yang dianjurkan Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia (NTCM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dijangka mampu menarik seramai 25,000 pengunjung.

Pameran ini adalah satu usaha pihak NTCM dalam menggalakkan pelancongan domestik negara.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur MDTF merangkap Timbalan Presiden NTCM, Datuk Shamsul Falak Abd Kadir, berkata MDTF'10 yang berlangsung dari 14 hingga 16 Mei ini adalah platform kepada pengusaha industri pelancongan menawarkan pakej percutian yang menarik kepada pengunjung.

"Sebanyak 250 gerai dibuka berbanding 150 gerai saja pada tahun lalu dan ia menunjukkan satu peningkatan memberangsangkan.

"Pameran yang bertemakan "Fikir Tempatan, Rancang Tempatan dan Ke Arah Tempatan" itu bertujuan menggalakkan masyarakat tempatan meneroka dan menikmati keindahan bumi Malaysia yang diakui setanding negara luar.

"Melalui pameran ini, mereka dapat melancong ke tempat menarik di Malaysia pada harga murah kerana saya percaya pihak agensi pelancongan pasti akan menawarkan pakej percutian menarik," katanya pada sidang media Pameran Pelancongan Domestik di sini, kelmarin.